

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan persediaan yang telah dibuat untuk SUKMA 2021. Apakah langkah-langkah keselamatan COVID-19 yang telah diambil untuk memastikan temasya ini berlangsung dengan keadaan yang terkawal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SUKMA XX Johor 2020 yang sepatutnya dianjurkan pada 11 hingga 19 Julai 2020 telah dibatalkan dan ditunda kepada tahun 2022. Bagi memastikan penganjuran yang berkesan, Negeri Johor telah menubuhkan Sekretariat SUKMA XX Johor pada 1 Mac 2017 yang beroperasi di Iskandar Puteri, Johor. Temasya kali ini akan dipertandingkan di **39 venue pertandingan** iaitu di 12 venue pertandingan baharu, empat (4) venue telah dinaik taraf dan penyelenggaraan terhadap 23 venue yang sedia ada. Kesemua venue pertandingan ini telahpun siap sepenuhnya untuk penganjuran temasya ini. Manakala, operasi SUKMA Johor dari segi urusan pentadbiran, promosi, persiapan teknikal, sistem pertandingan dan sebagainya dilaksanakan dari semasa ke semasa.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerusi Majlis Sukan Negara (MSN) dan Sekretariat

Sukan Malaysia Johor memandang berat isu penularan COVID-19 ini sekiranya berlanjutan dalam tempoh jangka masa yang panjang. Antara **langkah keselamatan** yang diambil oleh Sekretariat SUKMA Johor bagi memastikan temasya SUKMA ini berlangsung dalam keadaan yang selamat dan terkawal adalah seperti:

- a) Kawalan Kesihatan di mana setiap atlet dan pegawai kontinjen perlu melalui tempoh kuarantin 14 hari atau menjalani *swab test* sebelum bergerak ke Johor. Bagi kontinjen yang menggunakan pengangkutan udara perlu mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) di lapangan terbang. Borang deklarasi wabak COVID-19 juga perlu dilengkapkan dan diserahkan sebaik tiba di hotel penginapan. Selain itu mereka juga perlu mematuhi SOP dan langkah-langkah pencegahan yang telah dimaklumkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa.
- b) Dari segi kemudahan penginapan, sebanyak 14 hotel disediakan untuk menempatkan 14 kontinjen negeri (satu kontinjen akan menetap di satu hotel). Ini berbeza dengan penganjuran sebelum ini dimana asrama pelajar Pusat Pengajian Tinggi Awam (IPTA) merupakan perkampungan sukan untuk menampung keseluruhan 14 kontinjen negeri. Setiap kontinjen haruslah mematuhi SOP penginapan dan proses pendaftaran yang disediakan.
- c) Pengangkutan pula disediakan secara *dedicated* untuk atlet atau pegawai pasukan dan tidak berkongsi dengan pasukan yang lain. SOP pengangkutan juga hendaklah dipatuhi.
- d) Sajian makanan akan disediakan tiga (3) kali sehari (pagi, tengahari dan malam) secara berbungkus. Makanan akan dihantar terus ke bilik atlet dan pegawai kontinjen.
- e) Di venue pertandingan pula, pemeriksaan kesihatan akan disaring kepada semua individu sebelum memasuki venue.

Setiap individu perlu mematuhi SOP venue pertandingan dan peralatan sukan.

- f) Jemputan bagi majlis rasmi adalah dihadkan dan setiap negeri diberikan kuota kehadiran. Individu yang mempunyai kad jemputan rasmi sahaja dibenarkan masuk. Pesakit di bawah siasatan (PUI) dan pesakit di bawah pemantauan (PUS) tidak dibenarkan hadir. Jemputan yang mengalami gejala, atau daripada kawasan zon merah juga tidak dibenarkan hadir.

- g) Setiap kontinjen digalakkan untuk menyediakan pasukan perubatan masing-masing. Pihak penganjur akan turut menyediakan bilik rawatan dan pasukan perubatan di hotel penginapan. Pengurus pasukan dan urusetia kontinjen perlu memaklumkan dengan segera sekiranya terdapat kontinjen yang bergejala seperti demam, batuk, selsema, sakit tekak dan sesak nafas.

3. Walau bagaimanapun ke semua SOP ini adalah tertakluk kepada situasi COVID-19 pada tahun 2022 nanti.

Sekian, terima kasih.